



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).600-13/1/21 JLD2 (2)

Tarikh : 19 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELANJUTAN TEMPOH PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA
SECARA DUAL SYSTEM SEHINGGA 31 DISEMBER 2024**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Edaran JPA no. rujukan JPA.BK(S) 174/3/2-1 Jld.8 (18) bertarikh 3 November 2021, tempoh familiarisasi sistem pengurusan prestasi yang baharu iaitu *MyPerformance* telah ditetapkan selama dua tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023 serta pelaksanaan *MyPerformance* secara sepenuhnya telah ditetapkan bermula 1 Januari 2024. Dalam tempoh familiarisasi tersebut, pengurusan prestasi **hendaklah** menggunakan Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS dan Modul Pengurusan Prestasi – *MyPerformance* HRMIS bagi tahun penilaian 2022 dan 2023 secara serentak (*dual system*).

3. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dijalankan dan dimuktamadkan pada penghujung tahun 2024 ini dan salah satu aspek kajian tersebut adalah melibatkan aspek penilaian prestasi perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

4. Bagi memastikan pelaksanaan sistem *MyPerformance* selaras dengan hasil kajian berkenaan, **tempoh familiarisasi *MyPerformance* telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024 dan pelaksanaan sepenuhnya *MyPerformance* bagi menggantikan sistem penilaian prestasi LNPT HRMIS akan bermula pada 1 Januari 2025.**

5. Mengambil kira bahawa surat edaran ini merupakan surat pelanjutan tempoh familiarisasi *MyPerformance*, pelaksanaan prestasi secara *dual system* serta ketetapan-ketetapan yang telah digariskan dalam Surat Edaran JPA bertarikh 3 November 2021 tersebut masih terpakai dan masih berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)